

**PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM BELAS
NEGERI SABAH**

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI KHAMIS, 25 MEI 2023, PUKUL 10:00 PAGI

Bil. 04

PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN

- *1. **YB. Tuan Hj. Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, berapakah jumlah sekolah rendah dan sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya di Semporna yang status tanahnya masih belum selesai penukaran hak milik daripada kerajaan negeri kepada kerajaan persekutuan dan apakah implikasi kelewatan penukaran hak milik ini kepada sekolah.
- *2. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, apakah strategi kerajaan untuk mengeluarkan rakyat Sabah daripada kepompong kemiskinan.
- *3. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT:-**
 - a) berapa banyak tempat letak kereta akan ditambah atau telah dirancang untuk Hospital Tawau; dan
 - b) adakah sebarang rancangan untuk mengambil alih tanah kosong (nombor geran hakmilik: 1075411499) untuk tujuan penambahan kawasan tempat letak kereta.
- *4. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, apakah status penambahbaikan serta pembinaan bumbung gelanggang Penampang yang semakin uzur dan merbahaya.
- *5. **YB. Datuk Hamild @ Hamid Bin Hj. Awang [Balung]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, berapakah jumlah menara yang diperuntukkan untuk dibina di kawasan DUN N67 Balung di daerah Tawau sebagai satu langkah untuk meningkatkan talian komunikasi digital.
- *6. **YB. Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah rancangan kerajaan untuk mengatasi masalah kenaikan harga ayam dan telur yang tidak terkawal.

- *7. **YB. Datuk Raime Unggi [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah usaha pihak kementerian untuk menangani masalah pembinaan rumah kos rendah yang kian berkurangan oleh pihak pemaju rumah akibat kenaikan kos bahan binaan yang di negeri Sabah.
- *8. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) apakah langkah kerajaan bagi memastikan keadaan sekolah SAN dan SAR sentiasa berada dalam keadaan baik; dan
 - b) adakah sasaran kerajaan untuk menubuhkan kolej pengajian Islam Sabah.
- *9. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah tindakan yang dilakukan bagi menyelesaikan masalah bekalan air paip yang masin di Sandakan dan telah berlarutan sejak September 2022 sehingga kini.
- *10. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk mewujudkan industri binaan bahan mentah seperti paip dan sebagainya dalam usaha mengurangkan kebergantungan pembelian bahan mentah daripada luar negeri.
- *11. **YB. Datuk Raime Unggi [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah usaha dan tindakan susulan selepas pasca Covid dalam merencanakan pembangunan industri pelancongan luar bandar di negeri Sabah.
- *12. **YB. Datuk Mohd Arsad Bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah langkah dan inisiatif yang boleh diambil pihak kementerian dalam usaha untuk menaiktarafkan batas pelabuhan yang ada di kawasan Usukan Bay Kota Belud yang mana kawasan pelabuhannya perlu dinaiktaraf kepada zon industri.
- *13. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN:-**
- a) mengapakah pemberian bibit tanaman, bahan ternakan dan perikanan yang bermutu tinggi kepada petani dan penternak semakin menurun; dan
 - b) mohon data penerima bibit pertanian dan ternakan dari 2020 – 2022 di kawasan Kapayan/Penampang.

- *14. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**, apakah perancangan kementerian untuk pembangunan belia di negeri ini dalam tempoh sebelum berakhir penggal DUN Ke-16.
- *15. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, adakah kementerian merancang agar program pembaikan rumah yang dikendalikan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) dapat diambil alih oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah sepenuhnya supaya pejabat daerah melalui pegawai daerah dapat mengawal selia kerja-kerja pembaikan tersebut agar lebih telus.
- *16. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah kementerian merancang untuk menambah *Skylift* untuk mengatasi kesukaran membaiki masalah lampu jalan yang tidak hidup di seluruh kawasan Sandakan sehingga mengambil masa berbulan-bulan untuk dibaiki.
- *17. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA:-**
- a) apakah bahan yang biasa digunakan oleh JKR untuk menurap jalan raya di Sabah dan kenapakah jalan-jalan yang diturap biasanya cepat rosak; dan
 - b) adakah pihak Jabatan Kerja Raya mempunyai pemantau bergerak (*mobile team*) untuk memastikan kualiti jalan sekitar Sabah dalam keadaan baik.
- *18. **YB. Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah perancangan dan persediaan pembangunan pelancongan oleh kementerian untuk tahun-tahun akan mendatang.
- *19. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, bolehkah tamu Donggongon di Penampang dibekalkan dengan internet percuma dan laju bagi memudahkan transaksi atas talian, memandangkan sudah terdapat usaha pihak swasta memberi kemudahan kepada penjaja Tamu Donggongon untuk berurusan atas talian melalui penggunaan QR Code.
- *20. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah perkembangan terkini mengenai program menangani gelandangan (orang Palauh) di Sabah.
- *21. **YB. Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, laporan statistik daripada Jabatan Perdana Menteri menyatakan terdapat 130 ribu jumlah miskin tegar di Malaysia dan

berapakah jumlah amnya daripada Sabah dan khususnya daripada Daerah Semporna.

- *22. **YB. Assaffal @ Samsul kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah tindakan kerajaan bagi memastikan kebersihan dan keindahan kawasan persekitaran dan perumahan di Sabah.
- *23. **YB. Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal [Senallang]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah benar pembayaran yuran bagi penerima biasiswa Yayasan Sabah tertunggak selama dua semester dan apakah langkah-langkah diambil oleh pengurusan Yayasan Sabah untuk memastikan perkara ini dapat diselesaikan.
- *24. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah perancangan kementerian untuk mengadakan expo berkaitan dengan bidang akuakultur agar dapat menarik minat golongan belia dalam bidang tersebut.
- *25. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, apakah visi dan misi kementerian dalam tempoh 15 tahun akan datang selepas mengamalkan pendekatan "*leapfrog approach*", dan berapa banyakkah syarikat berteknologi tinggi dalam Fortune 1000 boleh dibawa masuk oleh kementerian dalam tempoh 15 tahun akan datang
- *26. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah usaha kerajaan dalam menangani aktiviti meminta sedekah di kawasan berbahaya seperti persimpangan lampu isyarat yang banyak mengeksploitasi kanak-kanak.
- *27. **YB. Tuan Hj. Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, berapakah jumlah syarikat yang berdaftar di Semporna yang mempunyai kouta permit untuk masuk ke pulau Sipadan dan apakah insentif-insentif yang disediakan oleh kerajaan untuk membantu operator-operator pelancongan di Sabah.
- *28. **YB. Datuk Dr. Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN:-**
- a) adakah proses pengurusan permit kuarantin import barangan dikawal selia secara langsung oleh kerajaan negeri; dan

- b) jelaskan kenapa proses pengurusan pengeluaran permit ini mengambil masa yang lama.
- *29. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah cadangan untuk mempercepat proses pengwujudan satu lagi kerusi DUN di daerah kecil Pagalungan memandangkan kawasan tersebut memerlukan pembangunan yang drastik dengan tahap kependudukan yang semakin padat dan berhampiran dengan laluan sempadan antarabangsa antara Kalimantan, Indonesia dan Sabah.
- *30. **YB. Datuk Hamild @ Hamid Bin Hj. Awang [Balung]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status cadangan projek jalan persisiran pantai di daerah Tawau.
- *31. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah inisiatif jangka pendek dan jangka panjang kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan/gangguan bekalan air yang masih berlarutan di seluruh negeri Sabah terutama di kawasan DUN Bongawan.
- *32. **YB. Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah jenis kemudahan dan subsidi yang kementerian berikan kepada golongan petani di luar bandar negeri Sabah.
- *33. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) apakah hasil penyelidikan MA63 oleh *team* yang diketuai seorang Menteri Persekutuan dan seorang Timbalan Ketua Menteri Sabah berkenaan lawatan kerja ke London pada Jun 2022; dan
- b) senaraikan laporan sama ada adakah sasaran dan matlamat penyelidikan tercapai, apakah dokumen yang diperolehi, kos dan anggota *team* tersebut.
- *34. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, sejauh mana tahap kualiti air yang masin di Sandakan boleh mengganggu atau gugat tahap kesihatan jangka panjang dan pendek penduduk Sandakan.
- *35. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah rancangan kerajaan bagi memastikan jalan raya negeri disenggara dan dinaiktaraf dengan berkesan.

- *36. **YB. Tuan Hj. Dumi bin Pg Masdal [Silam]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah perancangan kerajaan bagi memastikan tidak berlaku kemalangan kepada budak-budak sekolah di (2) buah sekolah rendah iaitu sekolah rendah Lahad Datu 2 dan sekolah rendah Pekan, memandangkan mereka perlu menyeberang jalan dua hala iaitu jalan Lahad Datu/ Silabukan dan Jalan Lahad Datu/ Kunak untuk ke sekolah masing-masing.
- *37. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) apakah hasil penyelidikan tuntutan waris Sultan Sulu oleh *team* yang dihantar ke London pada bulan Februari/Mac 2023; dan
 - b) senaraikan apakah dokumen-dokumen dan maklumat yang diperolehi, kos lawatan kerja dan tempoh hari mereka berada di London dan anggota *team* tersebut.
- *38. **YB. Tuan Hj. Dumi bin Pg Masdal [Silam]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah tindakan dan perkembangan berkaitan 17 Perkara Perjanjian MA63 yang dipersetujui untuk dikembalikan ke negeri Sabah.
- *39. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kerajaan merancang untuk menambahbaik infrastruktrur Masjid Negeri Sabah khususnya pemasangan eskalator/ lif bagi memudahkan orang ramai khususnya warga tua dan OKU dapat naik ke dewan utama masjid.
- *40. **YB. Tuan Hj. Dumi bin Pg Masdal [Silam]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah perancangan kerajaan berkenaan talian internet yang lemah terutamanya di kawasan kampung khususnya Lahad Datu.
- *41. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah status dan perkembangan perundingan Sabah Air Aviation Sdn. Bhd (SAASB) dengan syarikat-syarikat dari Timur Tengah dan Hong Kong mengenai penubuhan *Maintenance, Repair and Overhaul* (MRO) di Sabah.
- *42. **YB. Tuan Hj. Dumi bin Pg Masdal [Silam]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah perancangan kementerian untuk menangani masalah air di taman perumahan dan kampung sekitar daerah Lahad Datu yang kerap berlaku sehingga belarutan selama seminggu.
- *43. **YB. Tuan Alias bin Sani [Sekong]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, apakah ada peruntukan kepada ADUN oposisi di Sabah dengan mengambil kira prinsip Kerajaan Perpaduan, yang mana kerajaan Sabah Maju Jaya menjadi sebahagian daripada komponen penting.

- *44. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah perancangan kerajaan untuk menurap Jalan Simpang Seguntor – Jalan Lok Yan, Jalan Blok 26 Peringkat 5 Rancangan Sungai Manila dan Jalan Blok 17 Peringkat 2 ke Bintang Baru Rancangan Sungai Manila.
- *45. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah kerajaan mengizinkan pengezonan semula tanah perindustrian ke tanah perumahan dan komersial khususnya di daerah Sandakan jika tiada sebarang pembangunan dalam tempoh tertentu.
- *46. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah statistik kawasan yang terjejas ekoran kerja naik taraf Jalan Utara Baru yang diumumkan Jabatan Kerja Raya tahun ini.
- *47. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah insentif dan galakkan kerajaan Sabah yang diberikan kepada sektor tenaga hijau (green energy) di Sabah.
- *48. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kerajaan akan menambah elaun guru Kafa dan imam rawatib di Sabah supaya melepasi tahap gaji minimum.
- *49. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah cara untuk menyelesaikan isu demam denggi di Sandakan khasnya di kawasan Elopura yang merupakan kawasan yang mencatatkan kes demam denggi tertinggi di Sandakan.
- *50. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apa tindakan yang telah dijalankan oleh Majlis Perbandaran Sandakan bagi pelaksanaan pemotongan rumput setiap bulan, pembersihan parit yang tersumbat dan menurap semula jalan-jalan yang mengalami kerosakan di taman-taman perumahan untuk keselamatan penduduk taman terbabit.
- *51. **YB. Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah sebarang perancangan kementerian bagi menaiktaraf Jalan Labuk dari Batu 16 ke Check Point Batu 32 menjadi dua lorong.
- *52. **YB. Tuan Alias bin Sani [Sekong]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, berapakah jumlah pendapatan cukai yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan dari

Sabah dan berapa jumlah dari 40% *tax revenue* yang Sabah berhak perolehi kembali.

- *53. **YB. Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah penyelesaian masalah pencemaran bau busuk yang serius pada waktu malam serta *leachate* yang mengalir masuk ke sistem saliran dan longkang di kawasan perumahan.
- *54. **YB. Tuan Mokran bin Inggat [Sungai Manila]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah yang menyebabkan jalan raya di Sabah semakin hari semakin rosak dan mengapakah jalan raya tersebut tidak diselenggara dengan sempurna.
- *55. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir (ADUN Dilantik)** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apa tindakan kementerian bagi menangani pemotongan bekalan elektrik oleh pihak SESB yang tertunggak melebihi RM100 ribu bagi lampu jalan raya di beberapa lokasi sepanjang Jalan Labuk yang mana jalan itu adalah jalan utama pengguna.
- *56. **YB. Datuk Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, bagaimanakah pihak kementerian dapat membantu untuk melakukan kajian yang mendalam terhadap beberapa kawasan terbiar yang tidak diusahakan di Dun Tempasuk yang mana kawasan ini mempunyai potensi untuk dijadikan kawasan penternakan ikan air tawar.
- *57. **YB. Tuan Hj. Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, mohon disenaraikan rancangan pertanian dan perikanan di kawasan semporna yang telah dirancang tetapi belum dilaksanakan dan berapakah peruntukan yang telah diberikan bagi pembangunan pertanian dan perikanan di Semporna.
- *58. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah langkah kerajaan bagi mempercepatkan jangka masa siap projek Pan Borneo Sabah.
- *59. **YB. Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah kerajaan boleh membekalkan air ke Pulau Gaya.
- *60. **YB. Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN:-**
 - a) apakah status terkini rumah pangsa LPPB di Tanjung Aru; dan

- b) adakah kerajaan akan mengeluarkan keputusan ujian *coring* rasmi dan jika melalui laporan tersebut rumah pangsa itu tidak selamat adakah penduduk tidak akan dihalau selagi belum ada tempat tinggal baru.
- *61. **YB. Tuan Alias bin Sani [Sekong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah kerajaan merancang untuk membekalkan alat pemadam api kepada rumah atau kampung yang berisiko tinggi mengalami kebakaran seperti kawasan perkampungan rumah papan yang majoritinya dihuni oleh Bumiputera Sabah.
- *62. **YB. Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah tindakan terhadap tapak pelupusan sampah sedia ada di Batu 8, Jalan Lintas Sibuga yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa dan membahayakan kesihatan penduduk sekeliling.
- *63. **YB. Puan Norazlinah Binti Arif [Kunak]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) apakah status isu tanah Tingkayu-Baturong seluas lebih kurang 5000 ekar yang terletak lebih kurang 16km dari Pekan Kunak; dan
- b) apakah pertimbangan yang dibuat sebelum notis pengusiran terhadap para peneroka yang telah meneroka kawasan tersebut selama lebih kurang 20 tahun dikeluarkan.
- *64. **YB. Datuk Dr. Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA:-**
- a) adakah Jabatan Kerja Raya mempunyai peruntukan untuk membina jalan perhubungan rangkaian ke setiap rumah; dan
- b) jelaskan tempoh masa yang diambil oleh Jabatan Kerja Raya untuk mengambil tindakan terhadap aduan rakyat.
- *65. **YB. Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah loji air yang dibina di Kalumpang mula beroperasi.

* Pertanyaan-pertanyaan yang tidak sempat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis.